

## **Sunni Dan Syiah**

**Chedet.cc**

**30 August 2013**

**By Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Sejarah Islam dipenuhi dengan permusuhan antara Sunni dengan Syiah. Kerap kali peperangan berlaku di antara mereka. Hari ini kita baca dalam akhbar dan TV berkenaan dengan letupan bom yang membunuh dan mencedera beratus-ratus daripada pengikut kedua-dua mazhab ini semasa mereka sedang sembahyang Jumaat di masjid dan di lain-lain tempat di mana mereka berkumpul.

2. Melihat akan permusuhan dan bunuh-membunuh diantara Sunni dan Syiah, musuh-musuh Islam, Yahudi dan sekutu mereka amat gembira. Bagi mereka, samada Sunni atau Syiah, semuanya adalah orang Islam dan seteru mereka. Kerja mereka untuk melemah dan musnahkan Islam dan orang Islam sedang dibuat oleh orang Islam sendiri.

3. Permusuhan antara Sunni dan Syiah ini tidak berlaku di Malaysia kerana buat sekian lama semua orang Islam di Negara ini terdiri daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu Sunni pengikut Imam Shafei. Mereka semua berpegang kepada ajaran Islam yang sama. Walaupun perbezaan politik memisahkan diantara orang Islam di Malaysia, tetapi ia tidak sampai kepada membunuh dan berperang.

4. Sekarang ini ajaran Syiah sedang dikembangkan di Malaysia. Jika Syiah bertapak di sini sudah tentu orang Islam Malaysia akan berpecah lagi. Jarak antara mereka yang terima ajaran Sunni dan Syiah akan semakin luas. Masing-masing akan adakan masjid berasingan dan bermacam lagi perbezaan.

5. Lambat laun permusuhan mereka akan meningkat sehingga mereka akan merusuh, membunuh dan berperang seperti yang berlaku di Iraq, Pakistan dan Syria.

6. Kesan daripada ini ialah Negara akan jadi tidak stabil dan tidak aman. Orang Islam di Negara ini akan ditimpa bala yang amat dahsyat. Mereka yang sudah pun lemah akan menjadi lebih lemah. Kerosakan yang teruk akan berlaku seperti yang kita lihat di Negara-negara di mana Sunni dan Syiah bermusuh.

7. Selama ini kita berpegang dan menganuti agama Islam tanpa banyak masalah. Kita tahu di Iran dan beberapa Negara Islam yang lain ada penganut agama Islam Syiah. Kita tidak ingin menimbulkan masalah bagi mereka dengan mencuba mengembangkan fahaman dan mazhab Sunni di kalangan mereka. Sebaliknya janganlah cuba membawa fahaman Syiah ke Malaysia yang aman kerana kita berpegang kepada satu mazhab yang sama.

8. Kepada kamu agama kamu, kepada kami agama kami (Lakum dinukum waliyyadin). Al Quran menerima adanya orang yang beriman dan ada yang kafir. Tidak ada paksaan dalam Islam. Mereka yang kafir bebas dengan kekafiran mereka dan mereka yang Islam juga bebas menganuti dan mengamal ajaran Islam. Dengan itu permusuhan tidak akan berlaku dan masyarakat menjadi aman.

## 14 Comments



1. [sentinel3](#)

September 1, 2013 at 10:45 PM | [Permalink](#)

Tun,

Mohon izin untuk menjawab dtan,

Quote, "Pada pendapatan saya. Kaum Yahudi, lebih keciwa kerana jemu-jemu berjuang be-berapa tahun dengan Kaum Arab. Saya tidak gembira bila manusia liar, sampai membunuh dan berperang kerana umat-umat tidak boleh hidup bersama-sama. Kaum Kristian yang di-bunuh di Mesir, Lubnan, Syria, Pakistan atau Iraq itu ke-salahan Kaum Yahudi ?"

dtan, bukankah rasa kecewa dan jemu ini (kerana terpaksa berperang begitu lama) dengan bangsa Arab angkara kaum Yahudi sendiri yang menawan dan menghalau bangsa Palestin daripada tanah mereka sendiri?

Rasa kecewa dan jemu ini bukan sahaja dirasai oleh kaum Yahudi sahaja malah bangsa Arab sendiri (yang tanah mereka dirampas oleh Yahudi) dan masyarakat Islam yang lain di dunia kerana pergolakan politik dunia dan huru-hara yang dicituskan oleh kaum Yahudi.

Bagaimanakah umat Allah iaitu Arab dan Yahudi boleh hidup bersama-sama apabila orang Arab dihalau bukan sahaja daripada tanah malah rumah mereka supaya orang Yahudi boleh mewujudkan sebuah negara yang didominasi oleh kaum Yahudi bernama Israel?

Apakah dosa orang Palestin kepada orang Yahudi sehingga mereka dihalau daripada rumah dan negara mereka, Palestin bagi Yahudi yang selama ini merempat tiada negara dan terpaksa menumpang di negara-negara Barat mewujudkan Israel?

Salahkah rakyat Palestin dan Arab berjuang menentang kaum Yahudi (manusia liar) yang merampas tanah milik mereka dengan bantuan negara-negara Barat yang tidak mahu Yahudi di negara mereka?

Sudahlah milik Palestin dirampas secara kejam oleh Yahudi malah kini Baitulmuqadis pun Yahudi mahu merampasnya daripada masyarakat Islam.

Alasan kononnya Yahudi terlebih dahulu berada di situ dan ada kononnya kuil Yahudi di situ walaupun tanpa bukti-bukti yang sah?

Kalau betul pun kawasan itu milik Yahudi, apakah hak kaum Yahudi untuk mengubah sejarah?

Jika kaum Yahudi menganggap mereka berhak di situ kerana nenek moyang mereka pernah tinggal di situ, orang Palestin juga berhak berada di Israel kerana nenek moyang mereka juga pernah tinggal di Israel.

Seluruh dunia kini tahu (kecuali AS yang menutup kedua-dua belah mata) bahawa Yahudi cuba mengukuhkan pegangan mereka ke atas Baitulmuqadis dengan membina lebih banyak penempatan haram kaum Yahudi.

Adakah penghijarahan kaum Yahudi ke negara-negara Barat pada zaman Nabi Musa AS dan genocide kesalahan bangsa Arab atau masyarakat Islam antarabangsa?

Salam Tun.



2. *Hajar*

September 1, 2013 at 11:45 AM | [Permalink](#)

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Di Malaysia, umat Islam berpecah kerana berlainan fahaman politik. Penyokong2 PAS/PKR secara amnya biasanya agak ganas dan agresif secara fizikal; mereka juga yang selalunya memaki-hamun orang UMNO dan turut melabel orang UMNO sebagai kafir/murtad (PAS). Ditambah pula sikap liberal (PKR) dan suka berdemonstrasi puak PAS/PKR.

2. Namun demikian disebabkan karakter penyokong-penyokong UMNO yang biasanya amat berlemah-lembut, tiadalah pertempuran sehingga melibatkan nyawa. Agaknya inilah hikmahnya kita ada puak UMNO yang selalunya BERALAH dan mengalah bila ada pertembungan di antara puak-puak UMNO dan PAS/PKR.

3. Mengenai Sunni dan Syiah pula, di Malaysia masih lagi majoriti umat Islamnya ahli Sunnah Wal Jamaah, dan ini patut terus dikekalkan dengan membendung mereka yang cuba menyebarkan fahaman Syiah. Kita tidak mahu ada pula elemen perpecahan lain yang akan terus melemahkan Islam di Malaysia. Haramkan penyebaran Syiah dan Kerajaan mesti TEGAS & tidak bertolak-ansur dalam hal ini.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. \*\*\*

3.



ahmad

September 1, 2013 at 12:24 AM | [Permalink](#)

Di Indonesia hari ini pertembongan antara fahaman Shiah dan Sunni merupakan satu masalah yang besar. Di Indonesia oleh kerana mereka mengamalkan Panchasial, masalah perbezaan agama dan Islam menjadi Masalah yang besat. Mereka juga bertembing dengan fahaman Ahmadiyah yang mahu mereka di iktiraf sabagai pengikut Islam.

Di Indonesia, Penyebaran agama Kristian kepada umat Islam merupakan masalah yang besar. Tetapi ynag peliknya mereka menganggap Shiah itunlebeh bahaya dari Kristian.

Perkembangan mazhab Shiah ini di biyai sendirinolehnkerajaan Iran.

Di Thailand, Fahaman Shiah ini berkembang dengan pesat dan ia nya dibiayaaai oleh Kerajaan Iran. Di Selatan Thailand banyak sekali mesjid Shiah didirikan. Pusat nya yang terbesatnialah di Nakon, Bangkok.

Di Malaysia, Ada ramai pemimpin PAS yang sympati dengan Shiah dan kagum dengan Revolusi Iran.

Sudah sampai masanya Jakim, Majelis Uagama Islam dan Kementerian Dalam Negeri perlu bertindak tegas.

Ini merupakan masalah yang sensitive.

kita tidak boleh melebel Shiah sabagai kafir kerana mereka juga percaya kapada Allah dan Nabi Muhammad.

Kerajaan Saudi membenarkan mereka pergi menunaikan Umrah dan Haji.

Yang kita perlu buat ialah kempen Daawah perlu lebeh kuat untok umat Islam memahami apa sabenarnya fahaman Shiah.

Pembelajaran agama Islam di sekolah, college dan University perlu di ubah untok memasokan subject fahaman shiah dan sunni supaya murid kita dapat ajaran yang betul

4.



sibotak

August 31, 2013 at 10:00 PM | [Permalink](#)

TUN

HANYA PEMIKIRAN LIAR YG INGIN SANGAT MEMBANTU ATAS PENDERITAAN SAUDARA SEUGAMA SAYA , ISLAM DENGAN NIAT IKHLAS DAN SUCI

DARIPADA KITA MENGUNDANG SIKAFIR YG MENGUGAT KEDUDUKAN ANAK BUMI DI JOHOR DENGAN MENJUAL TANAH SECARA FREEHOLD DI JOHOR I.D.R

ALANGKAH MULIA KITA MENJEMPUT PELARIAN SAUDARA KITA  
DARI IRAN, IRAQ ,PALESTIN ,SYRIA ,BURMA DAN YG LAIN LAGI

MUNGKIN TIDAK BERTUJUAN COMMERCIAL  
NASCAYA NIAT KITA YG MULIA UNTUK SAUDARA ISLAM  
ALLAH AKAN MEMBERI GANJARAN . INSYALLAH .AMIN

BOLIH JUGA MENGUNDANG SAUDARA ISLAM CINA KITA DARI CHINA  
MEREKA JUGA ECONOMIST YG HEBAT



5. *sibotak*

August 31, 2013 at 1:05 PM | [Permalink](#)

SEEMS UNITED STATES , BRITAIN , FRANCE HAVE THE VERY HIGH URGE  
TO DESTROY ISLAM

IT,S NOT SADDAM  
IT,S NOT GADAFI  
IT,S NOT SYRIA  
IT,S NOT OF WEAPONS OF DESTRUCTION  
IT,S NOT OF SUNNI,S NOR SHIA  
IT,S NOT OF ALLKAEDA  
IT,S NOT THE CHEMICALS

IT,S OF UNITED STATES , BRITAIN , FRANCE & SOME WESTERN WORLD  
BEHIND IT IS ISRAEL , PUPPETED BY UNITED NATIONS  
HIGH URGE TO DESTROY THE MUSLIMS WORLD  
AS THEY HAVE MEANS , WEAPONS & COALITIONS  
IS WHAT URGE THEM SO

NORTH KOREA HAS CHALLENGE UNITED STATES  
REPEATING THEIR STUBBORN  
YET AMERICA REMAIN SILENCE  
AMERICA ARE AFRAID & CHOOSE TO BULLY THE WEAKER  
NOT OF UPHOLDING RIGHTS

REVEALINGS AMERICA IS NOT A SUPER POWER



6. *dtan*

August 31, 2013 at 12:53 PM | [Permalink](#)

Tun,

Mungkin Tun tulis-kan topik Sunni dan Syiah dalam Bahasa Melayu kerana perbincangan topik yang sensitif. Saya akan cuba bercakap dalam perkataan yang lemah lembut.

Walaupun, Hati saya berdekat kepada Kaum Yahudi. Tun yang tahu Pakcik saya se-orang Yahudi Warganera Malaysia dahulu. Se-orang yang mulia, tidak berniat jahat atau zalim. Bila saya pergi ke-Israel saya juga ada bersempatan membicारा dengan be-berapa orang Yahudi atau Arab.

Pada pendapat saya. Kaum Yahudi, lebih keciwa kerana jemu-jemu berjuang be-berapa tahun dengan Kaum Arab. Saya tidak gembira bila manusia liar, sampai membunuh dan berperang kerana umat-umat tidak boleh hidup bersama-sama. Kaum Kristian yang di-bunuh di Mesir, Lubnan, Syria, Pakistan atau Iraq itu ke-salahan Kaum Yahudi ?

[Shalom dalam Nama Yeshua](#)

7.  *musato*

August 31, 2013 at 7:34 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Kita terlalu memandang rendah pada ahli agama kerana terpengaruh setelah 56 tahun merdeka masih lagi ada politik UMNO dan PAS.

Sedangkan permainan politik ini adalah hanya untuk memilih pemerintah.

Ilmu agama sentiasa betul dan boleh dipelajari di pondok pondok. Kenapa pondok pondok kelihatan terpinggir, telah saya jelaskan bahawa itulah tujuanebenar untuk mengasingkan diri dari masyarakat sebelum capai tahapnya.

Lebih lebih lagi jika belajar ilmu tasawuf, hati akan sentiasa dekat pada Allah s.w.t dan mudah mudahan mendapat pertolongan dariNya.

Terima kasih Tun.

8.  *sibotak*

August 31, 2013 at 7:21 AM | [Permalink](#)

UNITED NATIONS QUESTIONS SYRIA USE OF CHEMICALS ON ITS PEOPLE  
NOT CLEARLY IDENTIFIED WHO USE IT ?  
WHO PRODUCE IS AN IMPORTANT ISSUED AND THE OUT MOST  
IMPORTANT QUESTIONS THAT UNITED NATIONS MUST NOT IGNORE ?

WHO IS THE WORLD PRODUCER OF WEAPONS OF MASS DESTRUCTION ?  
WHO IS THE WORLD PRODUCER OF CHEMICALS WEAPONS ?  
DID NOT AMERICA USE CHEMICALS IN IRAQ CIVILIANS ?

FROM DAY 1 OF SEPTEMBER TILL TODAY  
UNITED STATES IGNORED UNITED NATIONS REGULATIONS  
HAVE NOT PROVED ANYTHING TO THE WORLD OF THEIR LAME ACCUSATIONS  
WHISTLE BLOWER BLOWS , UNITED STATES INTELLIGENCE WITH EVIDENCE  
WAS ALSO IGNORED BY UNITED NATIONS OF TRUTH

HOW MANY LIES MADE IN U.S.A MUST WE IGNORED ?  
AND IGNORED BY UNITED NATIONS IN THE NAME OF HUMAN CIVILIZATIONS ?

9.  *sibotak*

August 31, 2013 at 4:57 AM | [Permalink](#)

SETIAP PERBUATAN PASTI ADA NIAT  
BEGITU JUGA NIAT JAHAT NASRANI & YAHUDI  
TERHADAP KAUM ISLAM  
TIDAK JADI MUSKIL SEBAB KENYATAAN INI SUDAH  
DINYATAKAN DALAM ALQURAN YAKNI  
KAUM NASRANI & YAHUDI AKAN BERUSAHA  
MERMECAH BELAHKAN ISLAM DENGAN PELBAGAI CARA

ALQURAN SENDIRI SUDAH MENYATAKAN  
UMAT ISLAM YG ASIK BERTELAGAH SESAMA SENDIRI  
SEHARUSNYA DENGAN KENYATAAN ALQURAN  
MENYEDARKAN KITA BERSATU , MALAH KITA BERPECAH

NAK SALAHKAN YAHUDI , AMERIKA ?  
APAKAH UMAT ISLAM DI ASIA PUN AKAN SEDEMIKIAN ?  
SEDIKAH UMAT ISLAM DI ASIA SEDIA BERTEMPUR  
DENGAN NIAT NASRANI & YAHUDI ?  
AKAN KAH KITA BERSATU ?

IINILAH MASANYA KITA PERLUKAN JAWABAN NYA SEKARANG  
INILAH USAHA YG PERLU KITA USAHAKAN SEKARANG  
BAGI PERISAPAN MASA DEPAN , UKWAH ISLAM

JANGAN DAH NAK BERAK BARU NAK BUAT JAMBAN

10.  *rosas*

August 31, 2013 at 2:53 AM | [Permalink](#)

Ybhg Tun

Faktor dominan kemelut kuasa di Arab Peninsula lebih dipengaruhi oleh Arabism. Ciri-ciri Arabism ada dijelaskan dalam QS9:97. Perbezaan antara dua school of thought, shiah dan sunni wajar ditangani melalui dialog rasional dikalangan the scholarly intellectual academician & the scholarly moderate ulama tanpa memerlukan pertumpahan darah. Faktor Arabism yang menebal breeds prolong evaporation of trust & disintegration of brotherhood bonding amongst the leaders & people of Arabic nation. Arabism tidak dapat mengekang kecenderongan berbunuhan sesama sendiri. Arabism menyuntik virus kelesuan kepada OIC. Arabism mencemar dignity deenul Islam & Ummah across the globe. Arabism leads the whole Gulf State heading towards the 3rd law of thermodynamics.

11.  *saya selalu berfikir*

August 31, 2013 at 1:28 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Bersatukah sekalian Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk mempertahankan Islam di bumi Malaysia?

ALLAH telahpun berjanji untuk memelihara AL-QURAN yang diturunkannya, adakah kita sudah berjanji yang serupa untuk agama tercinta?

Terima kasih kepada Tun atas peringatan jelas lagi teguh kerana saya juga berfikir yang sama...

12.  *wan*

August 30, 2013 at 10:38 PM | [Permalink](#)

AYAHANDA TUN,

SEBENARNYA, KIRANYA BENAR LAH SYIAH DIASASKAN OLEH YAHUDI UNTUK MEMECAHKAN ISLAM MAKA SUDAH TENTU TUJUAN UTAMANYA SUPAYA PEPERANGAN BERLAKU DIANTARA SYIAH DAN SUNNAH.

OLEH ITU KEDUA-DUA PIHAK TELAH MEMPERCEPATKAN PROSES MENJAYAKAN AGENDA MEREKA ITU DENGAN MELANCARKAN PERANG KE ATAS SYRIA, KE ATAS HEZBOLLAH, DAN SELEPAS INI IRAN DLL.

SEBENARNYA PIHAK NEGARA TELUK YANG TERDIRI DARIPADA SUNNAH BERSEKUTU DENGAN BARAT DAN AMERIKA UNTUK MEMERANGI SYRIA DAN IRAN. SECARA LOGIKNYA PIHAK SYIAH AKAN MENYATAKAN BAHAWA PIHAK SUNNAH LAH YANG SESAT KERANA SANGGUP BERSEKUTU DENGAN MUSUH ISLAM.

SEBELUM INI BILA IRAQ MENYERANG IRAN SEMASA SADDAM HUSSEIN TIADA KEDENGARAN PEPERANGAN SUNNAH SYIAH TETAPI LEBIH KEPADA KUASA ARAB MELAWAN KUASA PARSIS. SADDAM MENDAPAT SOKONGAN NEGARA TELUK DAN BARAT UNTUK MENGHANCURKAN IRAN YANG MANA AKHIRNYA BELIAU SENDIRI DIKHIANATI.

PERCATURAN BARAT DAN YAHUDI CUMA INGIN MELIHAT ISLAM LEMAH SAMADA SYIAH ATAU SUNNAH. BAGI KITA SUNNAH ADALAH BENAR MANAKALA MEREKA AKAN MENGATAKAN SYIAH LAH YANG BENAR ////..... JAWAPANNYA HANYA ALLAH SAHAJA YANG MAHA MENGETAHUI. TETAPI YANG JELAS ALLAH TELAH MENEGAH MENJADIKAN YAHUDI DAN NASRANI SEBAGAI SEKUTU, KERANA MEREKA AKAN SENTIASA BERUSAHA MENGHANCURKAN KITA.

DI MALAYSIA KRISIS YANG SAMA BERJAYA DICIPTA.

SELAMAT MALAM TUN

13.  [sentinel3](#)

August 30, 2013 at 9:01 PM | [Permalink](#)

Tun,

Masalahnya di Malaysia, permusuhan bukan antara Sunni dengan Syiah tetapi antara penganut Sunni Melayu sesama sendiri.

Ada yang terlalu taksud dengan pembangkang sehingga sesiapa sahaja saudara mereka (walaupun daripada golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti mereka) yang tidak bersetuju dengan fahaman dan perjuangan politik sempit mereka dijadikan sebagai seteru mereka.

Mereka ini (penyokong pembangkang) mendakwa mereka lebih Islamik daripada saudara mereka yang lain tetapi jika diperhatikan perlakuan mereka sungguh merunsingkan kerana perjuangan mereka terhadap agama Islam boleh berubah-ubah mengikut selera dan fahaman politik mereka.

Apa pemimpin pembangkang yang boleh dipertikaikan kewibawaannya untuk memimpin negara (dari segi menangani krisis ekonomi negara pun orang ini tak pandai) termasuk dicemari dengan salah laku skandal seks dipuja manakala rakyat biasa yang kerdil menjadi mangsa pemimpin ini dihina.

Apa yang dicakapkan oleh pemimpin ini diterima bulat-bulat walaupun pemimpin ini tidak berani bersumpah atas dakwaan tingkah lakunya yang menjijikkan sebaliknya mangsanya yang sanggup bersumpah di hadapan Kaabah ditolak mentah-mentah oleh penyokong pemimpin ini termasuk daripada golongan yang kononnya cerdik pandai agama.

Ada seorang khatib semasa khutbah Aidilfitri yang lepas, dengan mendabik dada menggesa makmum supaya tabah menghadapi perjuangan menegakkan ajaran Islam walaupun dibelasah dalam penjara.

Langsung tidak terlintas di hati dan fikiran khatib ini mahu bertanya kepada diri sendiri mengapa pemimpin yang dipujanya dibelasah di penjara?

Adakah normal bagi seorang pegawai tinggi polis bertindak memukul mangsanya di penjara mengikut sesuka hatinya tanpa sebarang provokasi?

Bagaimana kalau semasa di penjara, seorang penjenayah yang mempunyai mulut laser tiba-tiba berkata begini, " Haa... bapa anjing telah datang untuk berjumpa dengan aku,".

Tun, bukanlah tujuan saya menyokong atau menggalakkan sebarang perbuatan memukul penjenayah di penjara tetapi dalam kes di atas, saya rasa pegawai polis itu boleh dimaafkan kerana beliau juga seorang manusia biasa.

Malangnya, disebabkan provokasi itu, pemimpin yang pandai bermuka-muka ini menjadi hero kerana bagi pengikutnya dan orang ramai yang tidak tahu apa-apa mengenai kejadian itu menganggap pemimpin yang mereka puja dibelasah kerana memperjuangkan nasib mereka dan menentang rasuah, ketidakadilan dan pelbagai lagi oleh kerajaan.

Rakyat mudah lupa bahawa pemimpin yang mereka puja itu pernah berkhidmat lama dalam pentadbiran kerajaan dan tidak berbuat apa-apa untuk memerangi rasuah jika benar seperti didakwa semasa dia berada dalam pentadbiran kerajaan.

Kalau tidak silap saya, perkataan-perkataan seperti ketuanan Melayu, memartabatkan (mengikut Rafidah Aziz ketika itu terhadap perkataan pemimpin ini kalau silap-silap jadi murtabak) bangsa Melayu dicipta oleh pemimpin yang kena belasah ini tetapi kini pemimpin ini menjadi juara kepada kaum lain di

negara ini dengan menuduh parti yang pernah disertainya sebagai rasis dan korup.

Bukan sahaja rakyat Melayu biasa tertipu malah golongan cerdik pandai agama Ahli Sunnah Wal Jamaah pun kena tipu oleh pemimpin ini.

Sekarang, kaum lain juga kena tipu bulat-bulat oleh pemimpin ini (betapa hebatnya pemimpin ini dalam bab kelentong dan berpidato) kerana menjadi juara kerana mereka.

Kaum yang selama ini menyimpan rasa dendam, iri hati dan tamak dalam falsafah hidup mereka dengan lahap menelan gula-gula yang disajikan oleh pemimpin ini.

Tun, apa nak jadi kepada bangsa Melayu Ahli Sunnah Wal Jamaah di negara ini? Jika di negara-negara Asia Barat, AS dan sekutunya mengambil kesempatan meruntuhkan negara Arab dan Islam, di negara ini nanti AS dan sekutunya akan menyokong sebahagian kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyokong LGBT, golongan liberal dalam agama dan perkahwinan sesama jenis.

Akhir-akhir ini pun kita telah mendengar ada pemimpin politik berpendapat kebebasan memilih agama juga sepatutnya terpakai kepada orang Melayu.

Dan pendapat-pendapat pemimpin seperti ini disokong oleh sekutunya yang termasuk daripada golongan cerdik pandai Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mendakwa mereka lebih Islamik daripada saudara mereka yang lain.

Salam Tun.

14.  *musato*

August 30, 2013 at 8:18 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Walaupun kita dah lama berfahaman ahli sunnah wal jamaah, tetapi kita masih lagi kurang kefahaman bahawa fahaman ahli sunnah wal jamaah jauh lebih luas dan fleksible jika dibandingkan dengan pengetahuan kita berdasarkan cerita cerita sensasi yang keluar diberita media, seperti kisah Abuya, peristiwa bukit sauk, mat komando, imam mahadi, putera tamim, rasul melayu, ayah pin dan lain lain.

Peristiwa bermimpi Rasulullah s.a.w juga adalah benar. Ini kerana Rasulullah s.a.w tak boleh diserupai oleh makhluk lain. Bahkan melihat cahaya yang terpancar dari wajah Rasulullah s.a.w sudah cukup untuk dikatakan trademark kebenaran melihat Rasulullah s.a.w

Bagaimana bentuk cahaya wajah baginda perlu diterangkan oleh orang yang mengaku melihat wajah baginda. Ini bagi mengelak dari pengakuan palsu.

Bagi menangani pengakuan yang tidak pasti oleh individu yang mengaku melihat Rasulullah s.a.w perlulah ditangani dengan berhemah. Seperti yang pernah dijelaskan oleh Ustaz Zulkifli al Bakri di dalam siri tasawuf harian al hijrah channel 114.

Bagaimana terangnya cahaya wajah baginda pernah diceritakan oleh ustaz Badlishah di dalam sebuah radio, yang mana beliau juga adalah seorang mudir bagi siri beliau di channel 114.

Kisahannya bagaimana Aishah r.a mampu mencari jarum yang terjatuh dengan hanya melalui pantulan cahaya dari wajah baginda yang masuk melalui pintu ketika waktu malam.

Salam ke atas Rasulullah s.a.w

Terima kasih Tun.

Source: <http://chedet.cc/?p=1052>